

16 NOV 1999

BN-Calon

SENARAI CALON BN TERENGGANU DIJANGKA DIKETAHUI KHAMIS INI

KUALA TERENGGANU, 16 Nov (Bernama) -- Senarai calon Barisan Nasional (BN) Terengganu yang akan bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov dijangka diketahui Khamis ini.

Setiausaha Perhubungan Umno negeri Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor berkata senarai calon itu yang diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN semalam dijangka diperolehi dalam masa dua hari lagi.

"BN negeri telah menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga calon bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen kepada Dr Mahathir yang memenuhi kriteria ditetapkan," katanya ketika ditemui di pejabat Menteri Besar, di sini hari ini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad telah mengadakan pertemuan dengan beberapa anggota Exco kerajaan negeri dan anggota Parlimen di pejabatnya sejurus kembali dari Kuala Lumpur pagi ini.

Tengku Mahmud yang juga anggota Parlimen Setis berkata antara kriteria yang diutamakan dalam pemilihan calon BN pada pilihan raya ini ialah mereka mesti jujur dan amanah dalam melaksanakan sebarang tugas.

Mengenai taraf pendidikan pula, beliau berkata tidak ada kriteria yang ditetapkan, bagaimanapun ia terpulang kepada pucuk pimpinan parti untuk membuat keputusan.

Tengku Mahmud berkata BN negeri juga akan memulakan gerakan memperkenalkan calon-calonnya sehingga hari mengundi untuk memastikan pengundi benar-benar mengenali calon berkenaan.

Ketika ditanya mengenai manifesto berasingan Pas di Terengganu yang ingin meneruskan usaha menubuhkan negara Islam, beliau berkata ia merupakan satu penipuan besar di kalangan pengundi.

"Sebelum ini rakyat tahu pakatan pembangkang (PAS, Keadilan, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan DAP) telah mengumumkan manifesto bersama di Kuala Lumpur tanpa menyebut penubuhan sebuah negara Islam tetapi di Terengganu manifestonya berlainan pula," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu sedar pembohongan yang dilakukan oleh kedua-dua parti itu (Pas dan DAP) dan orang Melayu begitu marah dengan Pas yang sanggup mengadakan perjanjian manifestonya dengan DAP.

"Perkongsian mereka ini adalah semata-mata untuk mengabui mata pengundi dan Pas bukanlah satu parti yang boleh diberi amanah untuk mentadbir negara ini," katanya.

-- BERNAMA

SBS FAZ